

Sekolah Popular di Malaysia

SEKOLAH BERASRAMA PENUH (SBP) PALING CEMERLANG



9595

H


MOHD SHUKOR SALLEH

SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA

SEKOLAH BERASRAMA PENUH (SBP) PALING CEMERLANG

Terima kasih Tun,
Jasamu dikenang
selalu.

Hamid
MOHD SHUKOR SALLEH
013 5287227



PUSTAKA PERDANA



1013986

© PUSTAKA EWAN

© PUSTAKA EWAN
Terbitan 2023

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubah suai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada PUSTAKA EWAN.

PUSTAKA EWAN
57-1, Jalan Pendidikan 3,
Taman Universiti,
81300 Skudai,
Johor Bahru, Johor.
TEL.: 019-3817468

Perpustakaan Data Pengkatalogan-
Negara Malaysia dalam-Penerbitan

Mohd Shukor Salleh, 1968-
SEKOLAH BERASRAMA PENUH (SBP)
PALING CEMERLANG / MOHD SHUKOR
SALLEH.

(SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA)

ISBN 978-967-377-139-4 (set)

ISBN 978-967-377-137-0

1. Schools--Malaysia.

2. Boarding schools.

I. Judul. II. Siri.

371.009595

Dicetak oleh: SS GRAPHIC PRINTERS (M) SDN. BHD. (252774-K)

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

1 Sekolah Berasrama Penuh (SBP) 7

- Sejarah
- Sekolah Menengah Sains (SMS)
- Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP)
- Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)
- Peruntukan SBP Baru
- Bilangan SBP
- Kemasukan Pelajar ke SBP
- Aliran SBP (Menengah Rendah, Menengah Atas dan Prauniversiti)
- Trivia dan Fakta Ringkas SBP
- SBP Tahfiz Model Ulul Albab
- Falsafah SBP
- Matlamat SBP
- Senarai Sekolah Berasrama Penuh
- Syarat Pemilihan Kemasukan Tingkatan 1
- Syarat Pemilihan Kemasukan Tingkatan 4
- Senarai Subjek bagi Aliran Tingkatan 4 dan 5
- Senarai Subjek bagi Aliran Tingkatan 1, 2 dan 3
- SBP Menengah Atas, SBP Semua Lelaki, SBP Semua Perempuan
- Sekolah Terbaik SPM

2 Sekolah Menengah Sains Seri Puteri (SESERI), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 23

- Sejarah Latar Belakang
- Misi, Visi dan Moto
- Senarai Pentadbir (Semasa)

3 Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang (SMAPK), Kajang, Selangor 25

- Sejarah Penubuhan
- Nama Batch
- Aktiviti Tahunan
- Rumah Sukan
- Prasarana
- Etos SMAPK
- Pencapaian SMAPK

4 Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Kubang Pasu (i-KUPS), Bandar Bukit Kayu Hitam, Kedah 31

- Sejarah Latar Belakang
- Visi dan Misi
- Objektif Sekolah
- Ikrar Pelajar
- Garis Masa
- Pengetua iKUPS

5 Sekolah Menengah Sains Sembrong (SASEM), Kluang, Johor 35

- Sejarah Penubuhan
- Kawasan Sekolah

6 Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong (SUPERB), Felda Mempaga, Bentong, Pahang **36**

- Sejarah Penubuhan
- Lokasi
- Slogan SUPERB
- Visi, Misi dan Moto
- Prinsip Sekolah
- Logo Sekolah
- Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)
- Kemudahan dan Infrastruktur Sekolah

7 Sekolah Menengah Sains Miri, Jalan Bakam, Miri, Sarawak **43**

- Lokasi
- Sistem Rumah dan Tingkatan
- Asrama
- Sejarah Sekolah
- Pentadbiran Sekolah
- Mata Pelajaran
- Kemudahan

8 Sekolah Menengah Sains Gua Musang, Gua Musang, Kelantan **47**

- Sejarah Sekolah
- Pengambilan Pelajar
- Senarai Pengurusan dan Pentadbiran Semasa

9 Sekolah Menengah Sains Pokok Sena (SAINA), Kedah **49**

- Sejarah Sekolah
- Lokasi
- Prasarana
- Cogan Kata SMSPS
- Bendera SMSPS
- Perintis Pentadbiran SMSPS
- Pengisian Pelajar
- Kokurikulum

10 Sekolah Menengah Sains Tapah (SESTA), Tapah, Perak **54**

- Sejarah Latar Belakang
- Semasa Pembinaan
- Pembukaan
- Perubahan Pentadbiran
- Perasmian
- Fasiliti dan Kemudahan
- Kawasan Akademik
- Panorama Blok Bilik Darjah atau Blok Akademik
- Barisan Pentadbir
- Pencapaian Sekolah

11 Sekolah Menengah Sains Sabah (SMESH), Kota Kinabalu, Sabah **61**

- Sejarah Latar Belakang
- Sekolah Cemerlang
- Tradisi dan Kebanggaan

12 Sekolah Menengah Sains Tuanku Aishah Rohani (SGS), Seremban, Negeri Sembilan **64**

- Sejarah Latar Belakang
- Penukaran Nama Sekolah
- Rumah Sukan dan Asrama
- Batch dan Pencapaian

13 Sekolah Menengah Sains Dungun (SEMESDI), Terengganu **67**

- Sejarah Latar Belakang
- Senarai Pengetua Sekolah
- Falsafah Sekolah
- Logo Sekolah
- Bendera Rasmi SEMESDI
- Rumah Sukan
- Pencapaian
- Alumni

14**Maktab Tentera Diraja (MTD), Sungai Besi, Selangor****71**

- Sejarah Latar Belakang
- Pengambilan Pelajar
- Kecemerlangan
- Misi dan Visi
- Sejarah Penubuhan

15**Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Mashoor (Lelaki) (SMASH), Jalan Air Itam, Georgetown, Pulau Pinang****75**

- Sejarah Sekolah
- Perkembangan Pesat
- Mengambil Alih Pentadbiran
- Pelajar Semakin Bertambah
- Hala Tuju Sekolah
- Sistem Pembelajaran dan Organisasi Sekolah
- Aliran
- Mata Pelajaran (SPM)
- Kebitaraan
- Senarai Pengetua

PENDAHULUAN

Buku siri *SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA* ini diterbitkan bagi mengisi pengetahuan para pelajar agar dapat mengenalpasti sekolah-sekolah yang cemerlang yang terdapat di negara ini. Kedudukan kecemerlangan ini akan berubah setiap tahun bergantung kepada keputusan peperiksaan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Keberkesanan sekolah atau sekolah cemerlang boleh diukur berasaskan output atau hasil persekolahan itu. Hasil ini berbentuk pencapaian dalam bidang akademik dan bukan akademik seperti kelakuan dan disiplin pelajar yang baik, sendiri dan sikap pelajar-pelajar yang baik, kepuasan kerja guru dan keadaan sekolah yang bersih dan ceria. Keberkesanan sekolah boleh diukur melalui proses iaitu proses pengurusan dan pentadbiran sekolah efektif, pewujudan iklim budaya sekolah yang positif untuk pengajaran-pembelajaran, hubungan yang mesra antara pihak pengurusan sekolah dengan guru, guru dengan guru dan guru dengan pelajar, dan guru dengan ibu bapa.

Keberkesanan sekolah juga boleh diukur bukan sahaja melalui kecemerlangan dalam pendidikan, tetapi dari aspek ekuiti (kesaksamaan) untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira kebolehan dari segi kognitif, fizikal pelajar, latar belakang taraf sosioekonomi (SES) ibu bapa pelajar, latar belakang agama, bangsa dan keturunan dan fahaman pelajar. Akhir sekali, keberkesanan sekolah boleh diukur dari segi kemajuan atau peningkatan dari segi kadar pencapaian akademik pelajar dari setahun ke setahun yang ditunjukkan melalui adanya nilai tambah (*value added*) kepada kebolehan pelajar.


Sekolah cemerlang atau sekolah berkesan mempunyai maksud yang sama. Di Amerika Syarikat dan di United Kingdom bagi sekolah cemerlang, ia menggunakan istilah sekolah berkesan (*effective school*), manakala di Malaysia menggunakan istilah sekolah cemerlang yang bermaksud sekolah yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar iaitu daripada pencapaian akademik yang rendah meningkat kepada pencapaian akademik yang tinggi. Menurut Hussein Mahmood (1993), sekolah cemerlang bukanlah sekolah yang established atau sekolah primer tetapi sekolah yang dapat menghasilkan pencapaian akademik yang tinggi, kurang menghadapi masalah disiplin dan mendapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat dan guru-guru merasa puas hati bekerja.

Abdul Shukor Abdullah (1991) mengatakan bahawa sekolah cemerlang ialah sekolah yang mencapai tahap terbaik, bermutu dan terunggul dalam semua bidang berkaitan dengan akademik, sahsiah, pengurusan, perhubungan, infrastruktur dan kepimpinan. Menurut Sharifah Md. Nor (2000) pula, konsep sekolah cemerlang berkait dengan kecemerlangan akademik; walau bagaimanapun guru-guru perlu menentukan perkembangan seimbang pelajar dan kemampuan pentadbir membantu guru menjalankan tugasnya dengan baik. Bagi membantu pelajar pula, sekolah cemerlang ialah sekolah yang mempunyai guru-guru yang boleh mengajar dengan berkesan supaya pelajar mereka bijak, mempunyai sahsiah dan disiplin yang baik. Dalam situasi di USA, United Kingdom malah di Malaysia didapati tidak semua sekolah, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah boleh dikategorikan sebagai sekolah berkesan.

1

Sekolah Berasrama Penuh (SBP)

SEKOLAH Berasrama Penuh (SBP) merupakan kumpulan sekolah menengah perdana dikhaskan untuk pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam UPSR dan PT3 (Menggantikan PMR mulai tahun 2014). Tujuan asal penubuhan Sekolah Berasrama Penuh ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar bumiputera di luar bandar.



Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Gombak, salah sebuah sekolah berasrama penuh di Malaysia

Hal ini demikian kerana pada awalnya, sekolah berasrama hanyalah sekolah berasrama Inggeris atau ala Inggeris (seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar) yang terbatas kepada anak-anak Raja dan orang kenamaan sahaja. Namun kini, semua sekolah berasrama penuh adalah sama dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali SBP Premier, SBPI dan SMAP. Secara kasarnya 90% adalah untuk pelajar bumiputera manakala 10% lagi adalah untuk pelajar bukan bumiputera.

Di SBP waktu belajar telah diatur oleh pihak sekolah dan setiap pelajar perlu mematuhi jadual tersebut. Inilah satu keunikan kehidupan Sekolah Berasrama Penuh dibandingkan dengan kehidupan pelajar di sekolah harian biasa. Pada setiap tahun, sudah menjadi tradisi setiap SBP untuk bertanding di Hari Kecemerlangan Sekolah Berasrama Penuh bagi merebut Piala Perdana Menteri.

Sejarah

Sejarah penubuhan SBP bermula pada tahun 1890, ketika R.O. Winsted menjadi Timbalan Pengarah dan kemudiannya menjadi Pengarah Pelajaran

Tanah Melayu. Pada tahun 1890 'The Selangor Raja School' ditubuhkan sebagai memulakan langkah melahirkan elit Melayu daripada kalangan istana dan anak-anak pembesar negeri, menerusi pendidikan aliran Inggeris. Pada tahun 1894, sekolah ini telah ditutup untuk tujuan pengubahsuaian dan dilahirkan semula dalam bentuknya yang baru pada tahun 1905 di Kuala Kangsar, yang sehingga hari ini dikenali sebagai The Malay College Kuala Kangsar (Maktab Melayu Kuala Kangsar).

Sultan Perak (Sultan Idris) dalam Persidangan Raja-Raja (DURBAR) pada tahun 1903 yang mengkritik dasar pentadbiran Inggeris, khususnya dalam hal pendidikan orang Melayu dengan mengatakan ia 'hanya menghasilkan petani dan nelayan Melayu yang lebih baik'. Sultan Perak sendiri telah menawarkan lokasi penubuhan MCKK di tapak sekarang ini, dengan tujuan '*for the education of the Malays of good family and for the training of Malay boys for admission to certain branches of the government service*'.

Pada tahun 1947, 'Malay Girl College' ditubuhkan di Kuala Lumpur. Sekolah ini kemudiannya berpindah ke Seremban, Negeri Sembilan dan dikenali sebagai Kolej Tunku Kurshiah sehingga sekarang, bersempena nama DYMM Raja Permaisuri Agong yang pertama.

Pada bulan September 1955, sebuah Jawatankuasa Pelajaran telah ditubuhkan yang akhirnya melahirkan Penyata Razak pada tahun 1956. Laporan Penyata Razak kemudiannya diluluskan dan menghasilkan Ordinan Pelajaran 1957. Penyata Razak telah memperakukan penubuhan 6 buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP), iaitu:

1	Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR) - 1956
2	Sekolah Tun Fatimah (STF) - 1956
3	Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) - 1957
4	Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (SMSAH) - 1963
5	Sekolah Alam Shah (kini dinamakan Sekolah Sultan Alam Shah) (SAS) - 1963
6	Sekolah Seri Puteri (SSP) - 1968

Pada tahun 1955, Kolej Islam Malaya telah ditubuhkan di atas tapak bekas istana, yang diwakafkan oleh Almarhum Sultan Hishamuddin ibni Sultan Sulaiman di Klang, Selangor. Pada tahun 1966, kolej ini berpindah ke Jalan Universiti di Petaling Jaya, Selangor. Pada tahun 1967, setelah kerja-kerja pengubahsuaian selesai, kolej ini berpindah semula ke Klang dan diberi nama Kolej Islam Klang.

Pada tahun 1972, pentadbiran kolej ini diambil alih sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan dinamakan sebagai Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). Semua 9 SBP tersebut telah dibina sebelum kewujudan SBP baru seperti Sekolah Menengah Sains (SMS), SBPI dan SMAP. Oleh itu, 9 SBP tersebut dikenali sebagai SBP terawal ataupun SBP Premier.

Semua SBP Premier mengambil pelajar Tingkatan 1-5 kecuali KISAS yang hanya mempunyai Tingkatan 4,5 dan 6. Pada tahun 2012, Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra (SMSTMFP) telah diiktiraf sebagai SBP Premier dan ini diikuti oleh Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud (SESMA) pada tahun 2013.

Sekolah Menengah Sains (SMS)

Konsep Sekolah Menengah Sains (SMS) mula ditubuhkan pada tahun 1973 apabila kemajuan pendidikan dalam kalangan murid-murid luar bandar, khususnya dalam bidang sains mendapat perhatian daripada para pemimpin negara. Oleh itu, antara projek penting yang perlu dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua dinyatakan sebagai: *'an important project in the plan is the establishment of ten pilot residential secondary science schools to provide added educational opportunities for pupils from rural areas to pursue their education in science subjects.'* Justeru 10 buah SBP berikut telah dibina di dalam Rancangan Malaysia Kedua, iaitu:

Bil	Nama Sekolah
1	Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa (SEMOJI) - 1973
2	Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin (SOKSEK) - 1973
3	Sekolah Menengah Sains Selangor (SMSS) - 1973
4	Sekolah Menengah Sains Muzaffar Shah (MOZAC) - 1973
5	Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) - 1973
6	Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud (SESMA) - 1973
7	Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra (FARISPETRA) - 1973
8	Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra (SYEDPUTRA) - 1974
9	Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar (STJ) - 1974
10	Sekolah Menengah Sains Johor (SCORE) - 1975

Sehingga akhir tahun 2000, jumlah SBP telah menjangkau ke angka 39 buah dengan kapasiti murid seramai kira-kira 25,000 orang dan jumlah guru seramai kira-kira 2,500 orang. Pada tahun 2002, Sekolah Menengah Sains Tuanku Munawir mula beroperasi sebagai SBP ke 40 di premis lama Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban yang berpindah ke bangunan barunya di Sungai Gadut, Seremban.

Pada tahun 2003, Sekolah Menengah Sains Seri Puteri dan Sekolah Menengah Sains Alam Shah ditubuhkan mengambil alih premis lama Sekolah Seri Puteri yang berpindah ke Cyberjaya dan Sekolah Sultan Alam Shah ke

Tahukah anda sekolah yang tertua di Malaysia? Apakah nama sekolah berasrama penuh menengah atas untuk semua pelajar lelaki dan semua pelajar perempuan sahaja? Apakah maksud SBP Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)?

Semua pertanyaan itu akan terjawab dengan membaca buku dalam siri **Sekolah Popular di Malaysia** ini. Siri ini diterbitkan untuk memberikan informasi kepada pelajar dan ibu bapa yang berhasrat menghantar anak-anak mereka ke sekolah berprestij di negara kita. Siri ini mempunyai empat buah judul yang memaparkan pelbagai informasi yang padat dan bermanfaat. Antaranya keistimewaan yang terdapat di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seperti peluang belajar bahasa antarabangsa seperti Arab, Jepun, Jerman, Perancis, Mandarin dan Korea. Malahan, untuk menarik minat para pembaca, cerita dalam siri ini disulami dengan gambar yang cantik serta perbendaharaan kata yang merangkumi pelbagai laras bahasa. Justeru, ibu bapa dan pihak sekolah mestilah mendapatkan siri ini sebagai bahan bacaan di rak buku kerana pembelian anda amatlah berbaloi. Selamat Membaca!

Buku-buku dalam siri ini ialah:



Sekolah Kluster Paling Cemerlang



Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Paling Cemerlang



Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Paling Cemerlang



Sekolah Menengah Sains Paling Cemerlang

